

No. Siri:

Harga : RM30.00



DOKUMEN SEBUT HARGA

MEMBEKAL DAN MEMASANG LAPAN BELAS
(18) UNIT PALANG PENGHADANG
KESELAMATAN(BOOM – GATE) LENGKAP
DENGAN PAPAN TANDA AMARAN DI LALUAN
MASUK UNTUK HUTAN SIMPANAN
KEKAL, NEGERI SEMBILAN.

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA:
**17 MAC 2022 (KHAMIS),
JAM 12.00 TENGAHARI**

NO RUJUKAN SEBUT HARGA:
PHN.NS.SH 3-2022

| ISI KANDUNGAN | | MUKA SURAT |
|----------------------|--|-------------------|
| 1. Jadual 1 | - Kenyataan Tawaran Sebut Harga | 3 - 4 |
| 2. Lampiran Q | - Sebut Harga untuk Bekalan/Perkhidmatan | 5 - 6 |
| 3. Lampiran A | - Arahan kepada Penyebut Harga | 7 - 11 |
| 4. Lampiran B | - Syarat-syarat Sebut Harga | 8 - 15 |
| 5. Lampiran C | - Syarat-syarat Khas | 16 - 19 |
| 6. Lampiran D | - Syarat-syarat Tambahan | 20 |
| 7. Lampiran E | - Surat Akuan Pembida | 21 |
| 8. Lampiran F | - Keterangan Mengenai Penyebut Harga | 22 - 24 |
| 9. Lampiran G | - Surat Akuan Penyebut Harga | 25 - 26 |
| 10. Lampiran H | - Jadual Tawaran Harga & Spesifikasi | 27 - 29 |
| 11. Lampiran I | - Senarai Pengalaman Kerja | 30 |
| 12. Lampiran J | - Kerja Semasa Yang Sedang Dijalankan | 31 |
| 13. Lampiran K | - Maklumat Tambahan | 32 |
| 14. Senarai Semak | | 33 - 34 |

Jadual 1

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat **Bumiputera** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebutharga berikut:

| TAJUK SEBUT HARGA | TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DIJUAL | KOD BIDANG PENDAFTARAN | TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP |
|--|---|---|---|
| PHN.NS.SH 3-2022 Membekal dan memasang lapan belas(18) unit palang penghadang keselamatan (boom-gate) lengkap dengan papan tanda amaran di laluan masuk untuk Hutan simpanan Kekal, Negeri Sembilan. | Dokumen sebut harga boleh dimuat turun di pautan: http://forestry.ns.gov.my mulai 10 MAC 2022 | 080101 – Kelengkapan/ Kemudahan Awam (kecuali kelengkapan kemudahan permainan/sukan) | 17 Mac 2022 (Khamis) Tidak lewat pada jam 12.00 tengahari |

1. Dokumen Sebut harga ini dijual dengan harga **RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sahaja)** dan boleh dibeli di kaunter Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan atau;
2. Memuat turun dokumen sebut harga daripada laman web jabatan <http://forestry.ns.gov.my>. Bayaran tunai hendaklah dibuat di kaunter Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.
 - Slip bayaran hendaklah dikepilkan bersama-sama dokumen sebutharga sewaktu serahan Slip bayaran hendaklah dikepilkan bersama-sama dokumen sebutharga sewaktu serahan.
4. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Sebarang pertanyaan mengenai sebutharga ini bolehlah menghubungi pegawai penyelia dokumen sebutharga.
5. Dokumen Tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan Nombor Tawaran di sebelah atas sampul surat tersebut. Sila masukkan dokumen berkenaan ke dalam Peti Tawaran

yang disediakan di **Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, N.Sembilan sebelum jam 12.00 tengahari bertarikh: 17 MAC 2022 (Khamis)**

6. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perhutanan Negeri Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/ tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen dan spesifikasi sebut harga ini boleh menghubungi pegawai berikut:

Puan Noorshuhada binti Abd Samad : 06-7602490

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

Bertarikh : 10 MAC 2022

Tarikh Kenyataan Tawaran Sebutharga
ini dikeluarkan: 10 Mac 2022

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

| |
|-------------------------|
| No. Sebut Harga : |
| PHN.NS.SH 3-2022 |

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG LAPAN BELAS (18) UNIT
PALANG PENGHADANG KESELAMATAN (BOOM – GATE) LENGKAP DENGAN
PAPAN TANDA AMARAN DI LALUAN MASUK UNTUK HUTAN SIMPANAN
KEKAL, NEGERI SEMBILAN.**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

| | |
|---|--|
| Kepada (Nama Syarikat) | Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh Kementerian/ Jabatan (<i>Alamat Lengkap</i>) |
| | |
| No. Tel: | Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus |
| No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan: | No. Telefon: 06-7659849/7659875 Tarikh: |

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan sebut harga ini: **080101 – Kelengkapan/ Kemudahan Awam (kecuali kelengkapan kemudahan permainan/sukan)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan : (Sila lihat Arahan kepada Penyebut Harga)
- 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki : **12 Minggu**
- 1.3 Arahan pengiriman JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN.
- 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **No. Sebutharga: PHN.NS.SH 3-2022**
- 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **17 MAC 2022 (Khamis) jam 12.00 tengahari.**
- 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: 10 Mac 2022

Tandatangan:

.....tt.....

Nama Pegawai: Noorshuhada binti Abd.. Samad

Jawatan : Pen. Pengarah Operasi dan Penguatkuasaan

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
NO. SEBUT HARGA: PHN.NS.SH 3-2022**

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MEMASANG LAPAN BELAS (18) UNIT PALANG PENGHADANG KESELAMATAN (BOOM – GATE) LENGKAP DENGAN PAPAN TANDA AMARAN DI LALUAN MASUK UNTUK HUTAN SIMPANAN KEKAL, NEGERI SEMBILAN

1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut harga ini adalah bagi Membekal dan memasang lapan belas(18) unit palang penghadang keselamatan (Boom –gate) lengkap dengan papan tanda amaran di laluan masuk untuk Hutan Simpanan Kekal,Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan Barat:

- i) Hutan Simpan Tebong Kompartmen 5
- ii) Hutan Simpan Tebong Kompartmen 8
- iii) Hutan Simpan Tebong Kompartmen 15
- iv) Hutan Simpan gunung Tampin Kompartmen 31
- v) Hutan Simpan Gunung Datuk Kompartmen 13
- vi) Hutan Simpan Lenggeng Kompartmen 27
- vii) Hutan Simpan Lenggeng Kompartmen 18
- viii) Hutan Simpan Angsi Kompartmen 55
- ix) Hutan Simpan Bakau,Port Dickson

Negeri Sembilan Timur :

- i) Hutan Simpan Pasoh Kompartmen 115
- ii) Hutan Simpan Serting Kompartmen 20
- ii) Hutan Simpan Serting Kompartmen 32

Negeri Sembilan Utara:

- i) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 11
- ii) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 27
- iii) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 129
- iv) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 67
- v) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 204 (TER Kenaboi)
- vi) Hutan Simpan Triang Kompartmen 4

- 1.2 Sebut harga ini adalah tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Syarat-Syarat Sebut Harga, Syarat-Syarat Khas dan Syarat-Syarat Tambahan yang ditetapkan.

2. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

- 2.1. Penyebut Harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebut Harga.
- 2.2. Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah ditaip.
- 2.3. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangan ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 2.4. Borang-Borang Yang Perlu Diisi

2.4.1 Borang Keterangan Mengenai Penyebut Harga (**Lampiran F**)

- i. **Nama Penyebut Harga** : Nama Syarikat seperti yang didaftarkan dengan Kementerian Kewangan.
- ii. **Alamat Perniagaan** : Alamat yang betul di mana penyebut harga boleh dihubungi melalui surat. Penyebut Harga hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Pilihan Raya jika berlaku pertukaran alamat.
- iii. **No. Telefon/Bimbit/Faks** : Perlu dinyatakan untuk dihubungi.
- iv. **Taraf Penyebut Harga** : Nyatakan sama ada taraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Sila sertakan salinan sijil pengesahan taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan. Ketiadaan sijil tersebut menyebabkan Penyebut Harga akan ditakrif sebagai bukan Bumiputera.
- v. **Modal Syarikat** : Jika bukan Syarikat Sdn. Bhd. atau Berhad nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-punca seperti wang simpanan, saham dan pinjaman bank.
- vi. **Pengalaman** : Penyebut Harga hendaklah mengisi borang di (**Lampiran I**) dengan menyatakan pengalaman dalam bidang perkhidmatan berkenaan (jika ada).

2.4.2 Surat Akuan Penyebut Harga (**Lampiran G**)

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebut Harga menjadi tidak sah/laku

dan dengan sendirinya tertolak. Kadar harga di dalam borang **Lampiran G** dicatatkan mestilah sama dengan kadar harga di **Lampiran H** dan **Lampiran Q**.

2.4.3 Jadual Tawaran Sebut Harga dan Spesifikasi (**Lampiran H**)

- 2.4.3.1 Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh orang yang diberikuasa oleh syarikat sebagai Penyebut Harga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah/laku dan akan ditolak.
- 2.4.3.2 Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan dikembalikan.
- 2.4.3.3 Kadar harga yang ditawarkan dalam Surat Akuan Penyebut Harga di **Lampiran G** adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan item-item yang terkandung dalam Lampiran ini. Semua item yang disenaraikan dalam Lampiran ini perlu diisi. Jika terdapat item yang tidak dikenakan bayaran, maka Penyebut Harga perlu menyatakan sebagai "tidak dikenakan bayaran bagi item ini". Pihak Urus setia akan membuat perkiraan semula ke atas perkiraan ini dan sekiranya jumlah yang dikira semula berbeza dengan jumlah yang dibuat oleh Penyebut Harga maka kadar harga yang akan diambilkira adalah pada borang di **Lampiran H**.

3. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 3.1 Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah ditandatangan ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut Harga serta dicopkan dengan cop Penyebut Harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

4. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- 4.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini

merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 4.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 5.1 Borang-borang yang perlu dikembalikan hendaklah mengandungi dan disertakan perkara-perkara berikut:
- 5.1.1 Lampiran Surat Akuan Pembida (Lampiran E)
 - 5.1.2 Borang Keterangan Mengenai Penyebutharga (Lampiran F)
 - 5.1.3 Surat Akuan Penyebut harga (Lampiran G)
 - 5.1.4 Jadual Tawaran Harga dan Spesifikasi (Lampiran H)
 - 5.1.5 Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Salinan 3 bulan Penyata Bank terkini serta Sijil Akuan Bumiputera (Jika Berkaitan).
 - 5.1.6 Senarai pengalaman syarikat (Lampiran I)
 - 5.1.7 Senarai Kerja-Kerja Semasa Yang Dijalankan (Lampiran J)
 - 5.1.8 Sebut harga untuk bekalan/ perkhidmatan (Lampiran Q)

dan dialamatkan ATAU dihantar kepada :

Jabatan Perhutanan Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus,
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri,
Jalan Dato' Abdul Malek,
70503 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

- 5.2 Penyebut Harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
- 5.3 Penyebut Harga juga diingatkan agar menghantar dokumen Sebut Harga yang **sebelum atau pada jam 12.00 tengahari (tarikh sebut)**

- harga ditutup).** Penghantaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 5.4 Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan tidak bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat oleh Penyebut Harga sekiranya Sebut Harga ini dibatalkan.

6. MAKLUMAN

Sebarang pertanyaan mengenai urusan Sebut Harga boleh dikemukakan kepada:

06 – 7602490 : Puan Noorshuhada binti Abd Samad

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut Harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Sebut Harga apabila menyertai Sebut Harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Penyebut Harga ditolak.

1 KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA

Pembekal yang menyertai Sebut Harga ini mestilah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, bertaraf Bumiputera/Bukan Bumiputera dalam **bidang 080101 – Kelengkapan/ Kemudahan Awam (kecuali kelengkapan kemudahan permainan/sukan)** serta masih sah pendaftarannya semasa syarikat yang berjaya memulakan kerja-kerja kontrak. Salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen Sebut Harga. Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan/pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangan ringkas setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat.

2 HARGA TAWARAN

Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku Sebut harga iaitu **90 hari**.

3 SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI PEMBEKALAN

- 3.1 Penyebut harga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi, skop dan standard kualiti pembekalan bagi **membekal dan memasang lapan belas (18) unit palang penghadang keselamatan (boom – gate) lengkap dengan papan tanda amaran di laluan masuk untuk Hutan Simpanan kekal,Negeri Sembilan** di dalam **Lampiran H** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.
- 3.2 **Membekal dan memasang lapan belas (18) unit palang penghadang keselamatan (boom – gate) lengkap dengan papan tanda amaran di laluan masuk untuk Hutan Simpanan kekal,Negeri Sembilan** akan dilaksanakan mengikut spesifikasi, skop kerja dan “standard” kualiti kerja yang dinyatakan dalam **Lampiran H**.

4 KADAR DENDA

Penyebut Harga sekiranya ditawarkan sebut harga ini akan dikenakan denda seperti berikut :

- 4.1 Pihak pembekal/kontraktor dikehendaki sentiasa mematuhi segala syarat-syarat yang dikenakan/ dikuatkuasakan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus. Keputusan pihak Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus adalah **MUKTAMAD**.
- 4.2 Denda akan dikenakan diatas kelewatan pembekalan dengan kadar sebanyak 0.025% / hari dari nilai sebut harga bermula sejurus selepas tempoh pembekalan berakhir.
- 4.3 Bayaran denda akan dipotong dari harga tawaran mengikut kos yang difikirkan sesuai oleh Pihak Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus bagi mana-mana perkara yang tidak mengikut spesifikasi tawaran ini.

5 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Tempoh sah laku Sebut Harga ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup.

6 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

Kerajaan tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut Harga berhubung sebab – sebab Penyebut Harga tidak berjaya.

7 PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

- 7.1 Kerajaan sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, peralatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- 7.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran, maka harga peralatan yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

8 TEMPOH PEMBEKALAN

Tempoh pembekalan yang ditetapkan adalah **12 minggu.**

9 PENAMATAN PERSETUJUAN

- 9.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan persetujuan;
- 9.2 Jika Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;
- 9.3 Jika Penyebut Harga pembekal/kontraktor itu sebagai orang perseorangan atau, apabila pembekal/kontraktor itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika pembekal/kontraktor itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan.

Atau

Jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebut Harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebut Harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan balik ganti rosak.

10 PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan dengan pembekal/kontraktor mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan dengan pembekal/kontraktor, dirujukkan kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Kerajaan dan seorang oleh pembekal/kontraktor. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

11 IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh kerajaan terlebih dahulu.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. SPESIFIKASI TEKNIKAL

- 1.1 Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada Penyebut Harga melalui laman web Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan sekiranya ada.
- 1.2 Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kelewatian untuk membuat cadangan spesifikasi teknikal & harga serta kelewatian menghantar dokumen sokongan Penyebut Harga.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan ia hendaklah termasuk semua kos menghantar memunggah, mengangkut dan membungkus.
- 2.2 Penilaian harga antara Penyebut Harga adalah berdasarkan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. BARANGAN

- 3.1 Semua barangan hendaklah **tulen, baru dan belum digunakan.**
- 3.2 Spesifikasi pembekalan hendaklah merujuk kepada **Lampiran H**
- 3.3 Kerajaan adalah sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu, diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa sama pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- 3.4 Penyebut Harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 3.5 **Jaminan mutu selama tiga (3) Bulan dari tarikh penghantaran /penerimaan** hendaklah diganti oleh syarikat tanpa sebarang kos.

- 3.6 Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.
- 3.7 Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui (tidak mengikut spesifikasi), tawarannya boleh ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.8 Perbelanjaan yang dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga tanpa melibatkan sebarang kos oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.
- 3.9 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan surat akuan daripada pengeluar produk mengikut jadual penghantaran seperti di **Lampiran E** bagi menjamin kualiti barang.

4. JADUAL PENGHANTARAN

- 4.1 Penyebut Harga yang berjaya **WAJIB** membuat penghantaran ke **Pejabat Perhutanan Negeri Sembilan di Wisma Negeri** seperti di **Lampiran G**. Kerajaan berhak ke atas penghantaran berdasarkan permintaan yang munasabah dan bagi kes-kes kecemasan.
- 4.2 Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan adalah sentiasa berhak untuk menangguhkan atau mempercepatkan jadual penghantaran tersebut bagi memenuhi keperluan semasa.
- 4.3 Penyebut Harga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.
- 4.4 Penyebut Harga adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat dari penggunaan barang yang dibekalkan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat.

5. PEMBAYARAN

Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut.

6. SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima (SST) akan dihantar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan kepada Penyebut Harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut Harga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Penyebut Harga tanpa mengambil kira sama ada Kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

7. HAK KERAJAAN MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA

- 7.1 Kerajaan berhak menerima atau menolak mana-mana dokumen Sebut Harga dan membatalkan proses Sebut Harga dan menolak semua dokumen Sebut Harga pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada Penyebut Harga yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak Kerajaan untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada Penyebut Harga yang terlibat.
- 7.2 Pihak Kerajaan adalah berhak mempersetujui nilai Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barang Sebut Harga.
- 7.3 Pertimbangan Sebut Harga ini adalah berdasarkan tawaran teknikal, tawaran harga dan keupayaan sebut harga serta lain-lain faktor yang difikirkan sesuai seperti berikut:
 - a) Kerajaan Tidak Terikat Untuk Menawarkan Kontrak Kepada Penyebut Harga yang menawarkan harga terendah;
 - b) Keputusan Kerajaan adalah muktamad;
 - c) Kerajaan berhak memilih lebih dari satu Pembekal;
 - d) Kerajaan juga berhak mengubah spesifikasi Sebut Harga jika perlu;
 - e) Kerajaan berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran Sebut Harga atau sebahagiannya;
 - f) Kerajaan tidak memerlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana Sebut Harga; dan
 - g) Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut Harga tidak akan dilayan.

8. MODAL PUSINGAN

Kontraktor yang berminat mestilah mempunyai kemampuan kewangan dari segi modal pusingan, net worth, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.

LAMPIRAN D

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Syarat-syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

1. Penyebut Harga jika berjaya adalah dikehendaki berbincang dengan pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan untuk :
 - i. Mengatur jadual pembekalan barang;
 - ii. Taklimat mengenai peraturan-peraturan Akta Perhutanan dan;
 - iii. Lain-lain perkara yang berkaitan
2. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan atau wakil-wakilnya adalah sentiasa berhak untuk memeriksa kerja-kerja yang sedang dilaksanakan. Penyebut Harga dikehendaki memberi kerjasama dan kemudahan kepada Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan wakil-wakilnya untuk menilai serta memeriksa kerja-kerja yang sedang dijalankan.
3. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan berhak pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan ini di antara Penyebut Harga dan Kerajaan Malaysia sekiranya didapati perkhidmatan yang diberi oleh Penyebut Harga tidak memuaskan atau melanggar syarat-syarat Sebut Harga/perjanjian.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Sebut Harga : 3-2022

Membekal dan memasang lapan belas (18) unit palang penghadang keselamatan (boom – gate) lengkap dengan papan tanda amaran di laluan masuk untuk Hutan Simpanan kekal,Negeri Sembilan

Saya,.....nomor K.P
yang mewakili nomor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender /sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatkan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana- mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

LAMPIRAN F

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

- 1. NAMA PENYEBUT HARGA:**
(Syarikat)

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Cawangan : _____

3. TELEFON PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____
ii. Telefon Bimbit : _____
iii. Fax : _____
iv. Cawangan : _____

4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

4.1. Tempoh Pendaftaran Mulai : _____
(Wajib menyertakan salinan sijil) Hingga : _____

4.2. Taraf Penyebut Harga: *Bumiputra/Bukan Bumiputra
(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. MODAL PENYEBUT HARGA: (Isi mana yang berkenaan sahaja)

5.1. Perseorangan/Perkongsian : RM _____

5.2. Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)/Berhad (Bhd) :

 5.2.1. Modal Dibenar : RM _____

 5.2.2. Modal Dibayar : RM _____

6. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

6.1. Perseorangan:

 Nama Pemilik: _____

 No. K/P: _____

6.2. Perkongsian:

| Nama Pekongsi | No. K/Pengenalan | % Kongsi |
|---------------|------------------|----------|
| | | |
| | | |
| | | |

6.3. Sendirian Berhad/Berhad

| Nama Pemegang Saham | No. K/Pengenalan | % Bahagian |
|---------------------|------------------|------------|
| | | |
| | | |
| | | |

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

7. **PENGALAMAN:** (Sila nyatakan pengalaman berkaitan di **Lampiran I**
Dokumen Sebut Harga ini)
8. **PENYATA KEWANGAN BAGI 3 BULAN TERAKHIR (DISEMBER 2021,
JANUARI 2022 DAN FEBRUARI 2022)**
(Berdasarkan kepada bulan tarikh Sebut Harga dikeluarkan)

Baki Akaun Bank Tertinggi :

Baki Akaun Bank Terendah :

Penyata Bank mulai : _____ hingga _____

Nilai Aset Semasa :

Nilai Liabiliti Semasa :

** **PENYEBUT HARGA WAJIB** menyertakan **PENYATA KEWANGAN**
Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan Sebut Harga
tidak akan dipertimbangkan.

LAMPIRAN G

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Kepada :

Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus,
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri,
Jalan Dato' Abdul Malek,
70503 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tuan,

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: PHN.NS.SH 3-2022

SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG LAPAN BELAS (18) UNIT PALANG PENGHADANG KESELAMATAN (BOOM – GATE) LENGKAP DENGAN PAPAN TANDA AMARAN DI LALUAN MASUK UNTUK HUTAN SIMPANAN KEKAL, NEGERI SEMBILAN.

Dengan hormatnya perkara di atas adaalah dirujuk.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat mengesahkan mengambil bahagian dalam **Sebut Harga Bagi Membekal Dan Memasang Lapan Belas (18) Unit Palang Penghadang Keselamatan (Boom – Gate) Lengkap Dengan Papan Tanda Amaran Di Laluan Masuk Untuk Hutan Simpanan Kekal ,Negeri Sembilan.**
3. Syarikat sebagai penyebutharga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebutharga, kontrak dan penentuan kerja yang terkandung dalam dokumen sebutharga. Syarikat telah memahami bahawa Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNS) berhak menerima atau menolak sebutharga ini sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dalam harga tawaran lain.
4. Syarikat bersetuju bahawa sebutharga yang ditawarkan ini laku (valid) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebutharga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada tawaran ini.
5. Selanjutnya sekiranya syarikat ini diterima, syarikat akan mengikat suatu kontrak serta memberi Bon Pelaksanaan kepada Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNS) jika berkaitan.
6. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas perkhidmatan yang diberikan kepada Jabatan setelah perkhidmatan tersebut disahkan oleh pihak Jabatan.

7. Kami yang bertandatangan di bawah ini setelah meneliti dan menyemak segala dokumen sebutharga serta syarat dan peraturan seperti yang dinyatakan adalah dengan ini bersetuju mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak JPNS dengan

Jumlah Keseluruhan RM..... selama minggu .

(Dalam Perkataan Ringgit Malaysia)

.....
.....
.....
.....

* (Harga yang dinyatakan hendaklah sama seperti di **Lampiran H [Jadual Tawaran Harga]**). Butir-butir lanjut mengenai sebutharga ini adalah seperti yang dinyatakan di Ringkasan Sebutharga.

(Tandatangan Orang yang diberi Kuasa)

Nama : _____

No. Kad
Pengenalan : _____

Jawatan : _____ Cop Syarikat

Tarikh : _____

Nama Saksi : _____

No. Kad
Pengenalan : _____

Jawatan : _____ Tandatangan Saksi

Alamat : _____

Tarikh : _____

LAMPIRAN H**JADUAL TAWARAN HARGA DAN SPESIFIKASI**

NO TAWARAN : SH PHN NS 3-2022
TAJUK : Membekal dan memasang lapan belas (18) unit palang penghadang keselamatan (boom – gate) lengkap dengan papan tanda amaran di laluan masuk untuk Hutan Simpanan Kekal ,Negeri Sembilan.

Setelah memeriksa dengan teliti tawaran dan dokumen-dokumen tawaran. Saya/kami menawarkan harga-harga seperti berikut untuk tawaran diatas.

| No. | Perkara | Jenama (atau spesifikasi yang seumpamanya) | Unit | Harga /unit (RM) | Jumlah (RM) |
|-------------------|---|---|------|------------------|-------------|
| Pengukuran | | | | | |
| 1 | Membekal dan memasang lapan belas (18) unit palang penghadang keselamatan (boom– gate) lengkap dengan papan tanda amaran di laluan masuk untuk Hutan Simpanan Kekal, Negeri Sembilan seperti di bawah : Negeri Sembilan Barat: i)Hutan Simpan Tebong Kompartmen 5 ii)Hutan Simpan Tebong Kompartmen 8 iii)Hutan Simpan Tebong Kompartmen 15 iv)Hutan Simpan gunung Tampin Kompartmen 31 v)Hutan Simpan Gunung Datuk Kompartmen 13 vi)Hutan Simpan Lenggeng Kompartmen 27 vii)Hutan Simpan Lenggeng Kompartmen 18 | <p>1. KERJA-KERJA AWALAN</p> <p>1.1 Insuran ‘Workmen’s Compensation. 1.1.1 Pampasan Kerja 1.1.2 Liabiliti Awam</p> <p>1.2 Gambar-gambar laporan dan kemajuan (sebelum, semasa dan selepas pembekalan siap dilaksanakan).</p> <p>1.3 Permit memasuki hutan simpan</p> <p>2. PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN STRUKTUR PALANG PENGHADANG</p> <p>Membekal dan memasang Palang Penghadang Keselamatan (Boom-Gate) seperti spesifikasi dibawah:-</p> <p>2.1 Menggali lubang dan membuat asas konkrit gred 25 berukuran 600mm x 600mm dengan kedalaman 600mm sebanyak 2 lubang untuk pemasangan tiang.</p> <p>2.2 Memasang struktur tiang dengan ketinggian 1m dari aras</p> | 18 | | |

| | | | | |
|--|---|---|--|--|
| | <p>viii) Hutan Simpan Angsi Kompartmen 55</p> <p>ix) Hutan Simpan Bakau, Port Dickson</p> <p>Negeri Sembilan Timur :</p> <p>i) Hutan Simpan Pasoh Kompartmen 115</p> <p>ii) Hutan Simpan Serting Kompartmen 20</p> <p>ii) Hutan Simpan Serting Kompartmen 32</p> <p>Negeri Sembilan Utara:</p> <p>i) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 11</p> <p>ii) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 27</p> <p>iii) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 129</p> <p>iv) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 67</p> <p>v) Hutan Simpan kenaboi Kompartmen 204 (TER Kenaboi)</p> <p>vi) Hutan Simpan Triang Kompartmen 4</p> | <p>tanah menggunakan besi keluli kukuh dari jenis 'i-beam' 6 inci sebanyak 2 bahagian berserta dengan rumah kunci 'bracket' selak pada 1 tiang tersebut.</p> <p>2.3 Memasang besi palang manual boom gate berdiameter 50mm (tebal 3mm) bersaiz 9 meter panjang maksimum (mengikut kesesuaian tapak/lebar jalan) dan dipasang 1 meter tinggi dari aras tanah dilengkapi pemberat 'counter weight konkrit', dan 'pad lock jenis heavy duty'.</p> <p>2.4 Mengacat pada keseluruhan tiang serta besi keluli palang penghalang keselamatan dan papan tanda dengan cat akrilik berkilat anti karat.</p> <p>2.5 Membawa keluar semua sampah dan sisa binaan keluar dari kawasan kerja.</p> <p>Nota : Lokasi setiap unit palang penghadang keselamatan boleh menghubungi pegawai penyelaras untuk rujukan</p> | | |
| | | <p><u>3. PAPAN TANDA</u></p> <p>3.1 Membekal Papan Tanda Amaran dari jenis keluli berbingkai berukuran 900mm panjang x 600mm tinggi dengan bracket untuk dipasang pada tengah besi palang manual boom-gate dengan butiran:-</p> <p>Baris 1: HUTAN SIMPANAN KEKAL FONT : Arial Saiz : 75mm tinggi</p> <p>Baris 2: DILARANG MASUK FONT : Arial Saiz : 75mm tinggi Warna Tulisan : Merah</p> | | |

| | | | | |
|---------------|--|---|--|--|
| | | <p>Baris 3: ARAHAN: PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN FONT : Arial Saiz : 50mm tinggi</p> <p>Border: Hitam Warna Tulisan: Hitam Warna Latarbelakang: Kuning</p> | | |
| JUMLAH | | | | |

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Syarat-Syarat Am Sebutharga, saya bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah wang pukal sebanyak:

Ringgit Malaysia (RM)

2. Saya bersetuju untuk menyiapkan kerja-kerja dalam masa..... **Minggu** dari tarikh pembekalan yang tertera di dalam Surat Setuju Terima seperti yang ditetapkan.

.....
 (Tandatangan dan cop syarikat)

.....
 (Tandatangan saksi)

No. Kad Pengenalan :.....

No. Kad Pengenalan

LAMPIRAN I**SENARAI PENGALAMAN DALAM PEMBEKALAN YANG BERKAITAN DENGAN SEBUT HARGA DALAM TEMPOH 5 TAHUN**

| Bil. | Nama/Jenis Kontrak | Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi | Harga Kontrak (RM) | Tempoh Kontrak | |
|------|--------------------|---|-----------------------|----------------|-------|
| | | | | MULA | TAMAT |
| | | | | | |

***Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi**

***Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi**

LAMPIRAN J

**KERJA-KERJA SEMASA YANG SEDANG DIJALANKAN
(Kontrak Masih Berkuatkuasa)**

| Bil. | Jenis/Bidang Kontrak | Nama Agensi Kerajaan/Swasta | Nilai (RM) | Tempoh Kontrak |
|------|----------------------|-----------------------------|------------|----------------|
| 1. | | | | |
| 2. | | | | |
| 3. | | | | |
| 4. | | | | |
| 5. | | | | |

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

LAMPIRAN K

**MAKLUMAT TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN
(Jika ada/berkaitan)**

1.
2.
3.
4.

SENARAI SEMAK

MEMBEKAL DAN MEMASANG LAPAN BELAS (18) UNIT PALANG PENGHADANG KESELAMATAN (BOOM – GATE) LENGKAP DENGAN PAPAN TANDA AMARAN DI LALUAN MASUK UNTUK HUTAN SIMPANAN KEKAL, NEGERI SEMBILAN

Sila Tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan

| Bil. | Perkara/ Dokumen | Untuk Ditanda oleh Syarikat | Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga | |
|------|--|-----------------------------------|---|------|
| | | | Pengerusi | Ahli |
| 1 | LAMPIRAN Q – Sebutharga untuk Bekalan/Perkhidmatan | | | |
| 2 | LAMPIRAN A – Arahan Kepada Penyebutharga | | | |
| 3 | LAMPIRAN B – Syarat-syarat Sebut Harga | | | |
| 4 | LAMPIRAN C – Syarat-syarat Khas | | | |
| 5 | LAMPIRAN D – Syarat Tambahan | | | |
| 6 | LAMPIRAN E - Surat Akuan Pembida | | | |
| 7 | LAMPIRAN F - Keterangan Mengenai Penyebutharga | | | |
| 8 | LAMPIRAN G - Surat Akuan Penyebutharga | | | |
| 9 | LAMPIRAN H - Jadual Tawaran Harga dan Spesifikasi | | | |
| 10 | LAMPIRAN I – Senarai Pengalaman Syarikat | | | |
| 11 | LAMPIRAN J – Kerja-Kerja Semasa Yang Sedang Dijalankan | | | |
| 12 | LAMPIRAN K - Maklumat Tambahan | | | |
| 13 | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan | | | |
| 14 | Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) | | | |
| 15 | Salinan Sijil Bumiputera dari Kementerian Kewangan | | | |
| 16 | Salinan Penyata Akaun bank untuk 3 bulan terkini (Disember 2021, Januari 2022 dan Februari 2022) | | | |
| 17 | Bukti Pendaftaran Kontraktor dengan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan | | | |

| | | | | |
|-----------|--------------------------------------|--|--|--|
| 18 | Resit pembayaran dokumen sebut harga | | | |
|-----------|--------------------------------------|--|--|--|

| | |
|---|---|
| <p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh</p> | <p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).</p> <p>Tandatangan (1): Tandatangan (2):</p> <p>Nama: Nama:</p> <p>Jawatan: Jawatan:</p> <p>Tarikh: Tarikh:</p> |
|---|---|